# PENGARUH FAKTOR PERSEKITARAN TERHADAP SIKAP PONTENG SEKOLAH DALAM KALANGAN MURID DAERAH PENAMPANG, SABAH

**TAIRIN @ NORAISAH BINTI LONTOU**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FALKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2016**

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PENGARUH FAKTOR PERSEKITARAN TERHADAP SIKAP PONTENG SEKOLAH DALAM KALANGAN MURID DAERAH PENAMPANG, SABAH**

IJAZAH: **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

Saya **TAIRIN @ NORAISAH BINTI LONTOU**, Sesi Pengajian **2009-2016**, mengaku membenarkan tesis Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Univesiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / )

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan) |
| / | TIDAK TERHAD | |

Disahkan oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TAIRIN @ NORAISAH BINTI LONTOU**
**PT20118109**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 18 Mei 2016

(Prof. Madya Dr. Hj. Baharom Mohamad )
Penyelia

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

13 Mei 2016

Tairin @ Noraisah Binti Lontou
PT20098223

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGESAHAN

| | | |
|---|---|---|
| NAMA | : | **TAIRIN @ NORAISAH BINTI LONTOU** |
| NO. MATRIK | : | **PT20098223** |
| TAJUK | : | **PENGARUH FAKTOR PERSEKITARAN TERHADAP SIKAP PONTENG SEKOLAH DALAM KALANGAN MURID DAERAH PENAMPANG, SABAH** |
| IJAZAH | : | **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)** |
| TARIKH VIVA | : | **JULAI 2014** |

# DISAHKAN OLEH

**1. PENYELIA**

Prof. Madya Dr. Hj. Baharom Mohamad — Tandatangan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, syukur kepada Tuhan kerana dengan izinNya tesis ini dapat disempurnakan untuk memenuhi keperluan memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) Universiti Malaysia Sabah.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada semua yang terlibat sepanjang proses menyelesaikan tesis ini terutamanya kepada penyelia utama saya, Prof. Madya Dr. Hj. Baharom Mohamad kerana berkerja keras membantu dan menyelia saya sehingga kini. Segala waktu, nasihat, teguran, cadangan, komen dan bimbingan yang diberikan sepanjang tempoh saya menyempurnakan projek ini amat saya hargai. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Dr. Muhamad Suhaimi Taat kerana banyak membantu dalam bentuk nasihat, teguran, penambahbaikan, komitmen dan kesabaran membimbing saya dalam proses menyelesaikan tesis ini. Hanya Tuhan sahaja yang mampu membalas jasa baik kedua-dua penyelia yang amat saya hormati dan segani ini.

Semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) bagi Kursus Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pegawai Pendidikan Daerah Penampang, Guru-Guru Besar, Guru-Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) dan semua guru displin yang terlibat dalam memberikan maklumat dalam penyelidikan ini. Dengan keizinan dan kerjasama semua yang terlibat, proses pengumpulan data berjalan dengan lancar.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan karib saya, En. Jaggil Apak dan Pn. Dg. Mariam Hassan kerana banyak membantu dalam menyempurnakan tesis ini. Jasa anda berdua tidak akan dilupakan sampai bila-bila.

Kepada ahli keluarga tersayang, terima kasih atas sokongan dan dorongan yang sentiasa ditunjukkan. Berkat sokongan kalian, saya mampu akhirnya menyelesaikan tesis ini.

Tairin @ Noraisah Binti Lontou



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# ABSTRAK

Masalah ponteng menjadi isu penting kerana membawa impak negatif kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan. Tinjauan literatur turut mengaitkan ponteng sebagai asas penglibatan aktiviti jenayah. Berdasarkan latar belakang tersebut, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi sikap ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah daerah Penampang, Sabah. Kajian deskriptif ini mengaplikasikan metodologi tinjauan. Data dikumpul menggunakan satu set soal selidik berstruktur. Seramai 275 orang murid dari 21 buah sekolah rendah terlibat sebagai responden kajian. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi bagi menjawab soalan-soalan kajian dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package for Social Science)* versi 17.0. Berdasarkan analisis deskriptif, faktor guru adalah komponen persekitaran paling mempengaruhi sikap ponteng dalam kalangan murid berbanding faktor lain seperti keluarga, suasana sekolah dan rakan sebaya. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan sangat kuat di antara faktor persekitaran dengan sikap ponteng. Faktor persekitaran juga didapati menjadi peramal dan sangat mempengaruhi sikap ponteng murid berdasarkan analisis ujian Regrasi Pelbagai. Kajian ini merumuskan bahawa guru perlu lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas di kelas. Selain itu, peranan ibu bapa juga harus ditingkatkan terutamanya dalam soal pendidikan anak-anak mereka. Pihak sekolah perlu mengkaji semula keberkesanannya menangani masalah ponteng dalam kalangan murid. Akhir sekali, sekolah disaran untuk menjadikan ibu bapa sebagai rakan kongsi yang berkesan dalam pendidikan anak-anak.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# *ABSTRACT*


***THE INFLUENCE OF ENVIRONMENTAL FACTORS TOWARDS TRUANCY ATTITUDE AMONG STUDENTS IN PENAMPANG, SABAH***

*Truancy becomes an important issue because of the negative impact on the development and progress of the country in the future. The literature review also attributed the truancy as a basis for the involvement of criminal activity. Based on this background, this study was conducted to identify environmental factors that influence the attitude of truancy among primary school students in Penampang, Sabah. This descriptive study applied survey as the methodology. Data is collected using a structured questionnaire. A total of 275 pupils from 21 primary schools involved as respondents. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics to answer the research questions using SPSS (Statistical Package for Social Science) version 17.0. Based on the analysis, the teacher factor is most affecting the environment component of truancy attitude among students compared to other factors such as family, school climates and peer. Pearson Correlation test showed a significant relationship and a very intense between environmental factors and truancy attitude. Environmental factors were also found to be a predictor and greatly affect attitudes of students truancy based on Multiple Regression analysis test. The study concludes that teachers need to be more responsible in carrying out their duties in the classroom. In addition, the role of parents should also be improved, especially in the education of their children. The school olso needs to review its effectiveness in addressing the problem of truancy among students. Finally, schools are urged to make their parents as effective partners in their children's education.*




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# ISI KANDUNGAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| **TAJUK** | | i |
| **PENGAKUAN** | | ii |
| **PENGESAHAN** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | iv |
| **ABSTRAK** | | v |
| ***ABSTRACT*** | | vi |
| **ISI KANDUNGAN** | | vii |
| **SENARAI JADUAL** | | xi |
| **SENARAI RAJAH** | | xii |
| | | |
| **BAB 1: PENGENALAN** | | |
| 1.1 | Pendahuluan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 5 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 8 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 10 |
| 1.5 | Soalan Kajian | 11 |
| 1.6 | Hipotesis Kajian | 11 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 11 |
| 1.8 | Batasan Kajian | 13 |
| 1.9 | Definisi Operasional | 14 |
| | 1.9.1 Faktor Persekitaran | 14 |
| | i. Guru | 14 |
| | ii. Keluarga | 15 |
| | iii. Suasana Sekolah | 16 |
| | iv. Rakan Sebaya | 17 |
| | 1.9.2 Sikap Ponteng | 18 |
| 1.10 | Kerangka Konsepsual Kajian | 19 |
| 1.11 | Rumusan | 19 |




UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**


2.1 Pendahuluan 20

2.2 Definisi Konsep 20

2.2.1 Pengaruh Persekitaran 20

i. Suasana Sekolah 20

ii. Guru 22

iii. Rakan Sebaya 23

iv. Keluarga 24

2.2.2 Sikap Ponteng Sekolah 25

2.3 Teori dan Model Kajian 26

2.3.1 Teori dan Model Sikap Ponteng 26

a. Teori Tindakan Bersebab 26

b. Teori Hirarki Keperluan Maslow 27

2.3.2 Teori-Teori Persekitaran 30

a. Teori Pertukaran Sosial 30

b. Teori Sosial oleh Bandura 31

c. Teori Pelaziman Operan Skinner 32

a. Peneguhan Positif 33

i. Peneguhan Asas 33

ii. Peneguhan Sekunder 33

iii. Peneguhan Sosial 34

b. Peneguhan Negatif 34

i. Pelaziman Lepas Diri 34

ii. Pelaziman Menghindar 35

c. Teori Ekologi Bronfenbrenner 35

i. Mikrosistem 36

ii. Mesosistem 37

iii. Eksosistem 37

iv. Makrosistem 37

v. Kronosistem 38

2.4 Pengunaan Teori Sosial Bandura Sebagai Model Kajian 40

2.5 Aplikasi Teori Pembelajaran Sosial Bandura 41




UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2.6 Kajian-Kajian Lepas 43
2.6.1 Kajian Dalam Negara 43
2.6.2 Kajian Luar Negara 44
2.7 Kesimpulan 51

**BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**
3.1 Pendahuluan 52
3.2 Reka Bentuk Kajian 52
3.3 Lokasi Kajian 53
3.4 Populasi dan Sampel Kajian 53
3.5 Instrumen Kajian 55
3.5.1 Taburan Item-Item Soal Selidik 56
3.6 Kaedah Penganalisisan Data 57
3.6.1 Analisis Deskriptif 57
3.6.2 Analisis Kolerasi 58
3.6.3 Analisis Regriasi 59
3.7 Kesahan Soal Selidik 59
3.8 Kajian Rintis 60
3.9 Kesimpulan 61

**BAB 4: DAPATAN KAJIAN**
4.1 Pendahuluan 63
4.2 Pemeriksaan Data Kajian 63
4.3 Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Kajian 65
4.4 Analisis Soalan dan Hipotesis Kajian 65
4.4.1 Soalan Kajian 1: Apakah Komponen Faktor Persekitaran Yang Paling Mempengaruhi Sikap Ponteng Dalam Kalangan Murid? 65
4.4.2 Soalan Kajian 2: Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Faktor Persekitaran Dengan Sikap Ponteng Dalam Kalangan Murid? 67



PERPUSTAKAAN
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4.4.3 Soalan Kajian 3: Adakah terdapat pengaruh faktor persekitaran yang signifikan terhadap sikap murid ponteng? 69
4.5 Rumusan Keputusan Analisis Hipotesis Kajian 71
4.6 Kesimpulan 72

**BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**
5.1 Pendahuluan 73
5.2 Rumusan Dapatan Kajian 72
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 75
5.3.1 Faktor-Faktor Persekitaran Yang Mempengaruhi Sikap Ponteng Sekolah 75
5.3.2 Hubungan Faktor Persekitaran Dengan Sikap Ponteng Sekolah 80
5.3.3 Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Sikap Ponteng Sekolah 83
5.4 Implikasi Kajian 86
5.4.1 Implikasi Terhadap Teori 86
5.4.2 Implikasi Terhadap Penyelidikan 88
5.4.3 Implikasi Terhadap Pengamalan dan Tindakan Susulan 89
5.5 Cadangan Kajian Masa Depan 90
5.6 Kesimpulan 92

**BIBLIOGRAFI** 93
**LAMPIRAN** 105
Lampiran A - Soal Selidik
Lampiran B - Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (KPM)
Lampiran C - Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (JPNS)
Lampiran D - Kebolehpercayaan dan Normaliti Kajian



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI JADUAL


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Jadual 1.1: | Kes Disiplin Murid Tahun 2006 dan 2007 | 4 |
| Jadual 3.1: | Jumlah Murid Ponteng Mengikut Sekolah Dalam Daerah Penampang Antara Januari-Mei 2012 | 54 |
| Jadual 3.2: | Skala Likert Kajian | 56 |
| Jadual 3.3: | Taburan Item Soal Selidik | 57 |
| Jadual 3.4: | Soalan Kajian dan Jenis Pengukuran | 57 |
| Jadual 3.5: | Indek Kekuatan Korelasi | 58 |
| Jadual 3.6: | Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Soalan Kajian | 59 |
| Jadual 3.7: | Pekali *Alpha Cronbach* Kajian Rintis Mengikut Skala | 61 |
| Jadual 4.1: | Skor Min dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Kajian | 65 |
| Jadual 4.2: | Perbandingan Skor Min Pemboleh Ubah Faktor Persekitaran | 66 |
| Jadual 4.3: | Analisis Min Mengikut Item Faktor Persekitaran | 66 |
| Jadual 4.4: | Perbandingan Analisis Min Pemboleh Ubah Faktor Persekitaran dan Sikap Ponteng | 68 |
| Jadual 4.5: | Analisis Korelasi Pearson Faktor Persekitaran Dengan Sikap Ponteng | 68 |
| Jadual 4.6: | Penerimaan Pemboleh Ubah Peramal Dalam Model Regrasi Mudah | 69 |
| Jadual 4.7: | Kekuatan Pengaruh Antara Pemboleh Ubah | 70 |
| Jadual 4.8: | Ujian ANOVA Model Regrasi Sikap Ponteng Berdasarkan Faktor Persekitaran | 70 |
| Jadual 4.9: | Nilai Koefisien Model Regrasi Sikap Ponteng Berdasarkan Faktor Persekitaran | 71 |
| Jadual 4.10: | Ringkasan Dapatan Kajian | 72 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1: Kerangka Konsepsual Kajian 19

Rajah 2.1: Teori Tindakan Bersebab 27

Rajah 2.2: Keperluan Mengikut Hirarki Maslow 28

Rajah 2.3: Model Tingkah Laku Manusia Bandura 31

Rajah 2.4: Teori Ekologi Bronfenbrenner 36



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.0 Pendahuluan

Menurut Lopez, Jesus, Lopez dan Luis (2015), ponteng telah menjadi masalah biasa dan berlanjutan sehingga ke peringkat universiti sejak kebelakangan ini. Masalah ini telah menjadi satu ciri asas dalam kajian akademik secara umum di seluruh dunia tanpa penyelesaian (Davies dan Lee, 2006; Leronio, 2009; Henry dan Thornberry, 2010). Ponteng adalah punca utama pembaziran dan kelembapan yang membawa akibat buruk dalam kualiti peperiksaan, kegagalan, dan keciciran di sekolah (Neelam, 2013).

Masalah ponteng membawa impak negatif kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan (How, 2007). Kajian menunjukkan ponteng membawa kesan lebih mendalam terhadap sumber tenaga manusia sesebuah negara. Kanak-kanak yang mempunyai sejarah ponteng didapati amat bergantung kepada sistem kebajikan negara semata-mata untuk meneruskan kehidupan mereka (McCray, 2006). Kumpulan ini juga tergolong dalam kalangan orang-orang yang selalu dipenjarakan (Johanna, 2011).

Murid yang sentiasa ponteng sekolah menunjukkan prestasi yang lemah dalam semua pengukuran berbentuk akademik serta mempunyai tanggapan kendiri dan cita-cita kerjaya yang amat rendah (McCray, 2006). Seterusnya, keadaan ini menyebabkan bentuk kualiti dan status ekonomi kehidupan yang rendah pada masa hadapan (Reid, 2010). Murid yang tercicir akan mengalami kesukaran dalam hidup seperti pengangguran dan pendapatan yang rendah (Levin, Belfield, Muennig, dan Rouse, 2007; Sum, Khatiwada, dan McLaughlin, 2009).

PERPUSTAKAAN
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Malaysia bukan satu-satunya negara yang menghadapi masalah ponteng. Negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, dan Australia turut menghadapi masalah yang sama. Malah isu ini sangat mencabar sistem persekolahan Amerika Syarikat. Hal ini demikian kerana ponteng dianggap sebagai asas penglibatan aktiviti jenayah dalam kalangan murid apabila dewasa kelak (Davies dan Lee, 2006; Leronio, 2009; Henry dan Thornberry, 2010). Kajian yang dilakukan berdekad lamanya turut mengenal pasti perkaitan yang signifikan di antara perlakuan ponteng dengan keganasan, masalah pekerjaan, dan pemenjaraan (Skola dan Williamson, 2012; Jesse, 2014).

Ponteng juga merupakan peramal yang kuat terhadap kadar keciciran sekolah (Byrnes dan Reyna, 2012). Ponteng sekolah turut dikaitkan dengan kesan serius terhadap belia, keluarga, sekolah, masyarakat, penyelidik, pengamal dan pembuat dasar yang cuba memahami dan menangani masalah ini. Ponteng pernah dianggap menjadi masalah remaja, terutamanya dalam kalangan murid sekolah tinggi, tetapi bukti terkini menunjukkan bahawa ponteng adalah masalah yang memberi kesan kepada setiap perubahan zaman (McCray, 2006).

Walaupun langkah-langkah penting telah diambil di peringkat tempatan, negeri, dan kebangsaan untuk mengurangkan kadar ponteng sekolah, namun perkara ini masih belum mampu ditangani dengan berkesan (Davies dan Lee, 2006). Tahap kebimbangan ponteng sekolah yang tidak dapat dielakkan menyebabkan usaha perlu dilakukan oleh penyelidik, pengamal, pihak sekolah dan pembuat dasar untuk memahami dan menangani masalah yang semakin serius ini (Maynard, McCrea, Pigott, dan Kelly, 2013).

Di beberapa kawasan, kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dengan pihak sekolah telah membawa impak yang positif terhadap tingkah laku kronik ponteng sekolah. Walau bagaimanapun, perkara ini belum cukup menjadi fenomena untuk mencetuskan perubahan di peringkat negeri atau kebangsaan (Balfanz dan Byrnes, 2012).



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kajian semasa menyokong tanggapan bahawa interaksi pemboleh ubah iklim sekolah menyumbang kepada tingkah laku ponteng. Dengan menangani iklim sekolah secara sistematik, program intervensi boleh dilaksanakan bagi mengatasi masalah dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran sekolah (Levin dan Benfield, 2007; Levin *et. all*, 2007; Sum *et. all,* 2009).

Walaupun ramai ahli pendidik berhujah bahawa ponteng sekolah lebih kerap berlaku dalam kalangan kanak-kanak daripada ibu bapa berkerja namun ini hanya melibatkan kes-kes tertentu (Van Breda, 2006). Ponteng kerap berlaku terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dari keluarga bersaiz besar dan hidup miskin atau disebabkan sikap ibu bapa yang kurang minat dalam pendidikan anak-anak. Balfanz dan Byrnes (2012) melaporkan sebanyak satu pertiga daripada murid di kawasan kadar kemiskinan tinggi mengalami tahap ponteng sekolah yang sangat kronik.

Beberapa halangan seperti tanggapan budaya, keperluan bahasa dan kekurangan sumber ekonomi dalam keluarga, masyarakat, sekolah dan kerajaan turut menjadi penggalak kepada kes ponteng sekolah (Van Breda, 2006). Di samping itu, ketidaktentuan keluarga dan prasangka pihak sekolah juga dianggap mempengaruhi tingkah laku ponteng dalam kalangan murid.

Selain daripada itu, sikap seseorang murid turut dikesan sebagai faktor penting ponteng (Lousi Gansui, 2009). Sikap dapat diubah atau dibentuk dalam diri murid melalui disiplin dan pelajaran yang dipelajari oleh murid secara formal atau tidak formal. Oleh itu, sekolah adalah bertanggungjawab untuk melahirkan murid yang mempunyai sikap yang mantap bagi keperluan masyarakat dan negara (Byrnes dan Reyna, 2012). Peranan masyarakat pula ialah bertanggungjawab mendidik murid secara tidak formal (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Di Malaysia, rekod yang dicatatkan Kementerian Pelajaran Malaysia (2008) jelas menunjukkan ponteng merupakan salah laku murid yang tertinggi bagi tahun 2006 dan 2007 seperti yang terdapat dalam Jadual 1.1. Berbanding tujuh jenis



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

salah laku kes disiplin yang lain, ponteng merupakan kes terbanyak yang menjadi bahan perbincangan umum.

**Jadual 1.1: Kes Disiplin Murid Tahun 2006 Dan 2007**

| Jenis Salah Laku | | 2006 | | 2007 | | (+/-) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Bil | % | Bil | % | % |
| 1. | Berunsur Jenayah | 17668 | 0.34 | 19947 | 0.35 | +0.01 |
| 2. | Berunsur Kelucahan | 2028 | 0.05 | 3792 | 0.05 | 0.00 |
| 3. | Kurang Sopan | 19620 | 0.37 | 23214 | 0.43 | +0.06 |
| 4. | Laku Musnah | 3843 | 0.07 | 3625 | 0.06 | -0.01 |
| 5. | Kekemasan Diri | 14739 | 0.28 | 14900 | 0.27 | -0.01 |
| 6. | Ponteng Sekolah | 24227 | 0.46 | 21134 | 0.38 | -0.07 |
| 7. | Kenakalan | 14474 | 0.28 | 8519 | 0.16 | -0.12 |
| 8. | Tidak Pentingkan Masa | 14716 | 0.28 | 18425 | 0.34 | +0.06 |
| Jumlah Keseluruhan | | 111313 | 2.13 | 113556 | 2.10 | -0.03 |

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (2008)

Sepanjang tempoh persekolahan tahun 2006, sejumlah 24,227 orang murid sekolah rendah dan menengah telah dilaporkan ponteng. Bilangan ini mungkin lebih tinggi pada masa kini. Dalam statistik yang terdapat dalam Jadual 1.1, dikenal pasti sebanyak tujuh jenis ponteng yang diambil kira. Antara lainnya melibatkan ponteng sekolah, ponteng kelas, ponteng perhimpunan, ponteng aktiviti ko-kurikulum, ponteng ujian, ponteng peperiksaan dan ponteng untuk belajar bersendirian.

Berdasarkan rekod yang diperoleh daripada Unit Disiplin, Kementerian Pendidikan Malaysia (2008), seramai 21,134 murid dilaporkan ponteng sekolah pada tahun 2007. Jumlah ini agak rendah berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, gejala ini nampaknya tetap melibatkan satu angka yang besar berbanding kes salah laku disiplin yang lain seperti yang dilaporkan pada tahun yang sama. Oleh kerana ponteng sekolah merupakan kategori atau jenis ponteng



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

yang banyak diperkatakan dan dilaporkan, maka jenis ponteng sekolah inilah yang menjadi fokus dalam kajian ini.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Walaupun ramai ahli pendidik berhujah bahawa ponteng sekolah lebih kerap berlaku dalam kalangan kanak-kanak daripada ibu bapa berkerja, namun ini hanya kes-kes tertentu. Ponteng juga berlaku terutamanya dalam kalangan kanak-kanak yang mempunyai saiz keluarga besar dan berhadapan dengan keadaan hidup miskin atau disebabkan sikap ibu bapa yang hanya menunjukkan sedikit minat dalam pendidikan anak-anak mereka (Van Breda, 2006). Selain itu, penyelidikan juga mencadangkan bahawa pelbagai faktor seperti kemiskinan, etnik, kualiti hubungan antara murid dan guru, dan keadaan persekitaran kelas mempunyai kesan terhadap kehadiran murid di sekolah (Leronio, 2009).

Bukan sahaja di Malaysia, malah negara maju seperti Amerika Syarikat juga tidak terkecuali dari terus mencari penyelesaian masalah ketidakhadiran yang dianggap sebagai satu cabaran yang sentiasa berubah dan berterusan (Huck, 2011; Kronholz, 2011). Perlanggaran salah laku ponteng sekolah merupakan kes yang sentiasa berlaku di sekolah dan menjadi masalah besar kepada banyak pihak terutamanya kementerian, jabatan dan warga sekolah secara keseluruhannya.

Sikap sering dianggap sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi tingkah laku murid untuk ponteng (Norizan Azmi, 2012). Dalam beberapa kes, terdapat juga murid yang sukar menerima kelemahan diri mereka dan tidak berusaha mengatasinya. Sebagai contoh, murid yang malas membuat kerja rumah atau tugasan yang diberi oleh guru menyebabkan mereka mengambil jalan mudah yang bersifat negatif iaitu ponteng sekolah sebagai langkah mengelakkan diri.

Personaliti dan sikap murid yang mempunyai masalah tingkah laku adalah bersifat sentimental, tetapi pada masa yang sama kasar terhadap orang lain. Murid pula disifatkan terlalu berkeyakinan terhadap keupayaan diri mereka. Mereka lebih berminat serta menggemari situasi yang tidak dapat dijangka atau berunsur suspen. Murid seperti ini dianggap mempunyai potensi untuk mempengaruhi orang



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

lain pada masa akan datang. Mereka adakalanya sering bercakap besar, tidak bertimbang rasa dan tidak sabar dengan kelemahan dan kekurangan orang lain. Selain itu, kecenderungan mereka mempunyai ciri-ciri '*moody*', pasif, selalu tidak berpuas hati dan mempunyai tingkah laku yang sukar dikawal (How, 2007).

Selain itu, faktor persekitaran seperti guru, keluarga, suasana sekolah, dan rakan sebaya dikenal pasti mempunyai hubungan dengan sikap ponteng dalam kalangan murid. Sikap adalah watak yang diperolehi dalam proses pemasyarakatan, termasuk ketahanan mental dan emosi. Perkara ini merujuk kepada kecenderungan reaksi atau tingkah laku yang tetap terhadap sesuatu persekitaran (Precilla Gindan, 2012). Selain itu, faktor ekonomi dalam masyarakat, seperti pekerjaan dengan gaji tinggi yang hanya memerlukan sedikit pendidikan formal menyebabkan golongan belia terdorong meninggalkan persekolahan sebelum tamat pengajian (Kearney, 2008b).

Peraturan dan dasar sekolah yang tidak adil dan kerap berubah membangkitkan rasa tidak puas hati dalam kalangan murid. Hal ini mendorong serta menyebabkan murid ponteng sekolah. Menurut How (2007), seseorang individu itu mudah dipengaruhi persekitaran untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap sesuatu idea atau kejadian. Perkara ini jelas mengaitkan saling hubungan antara persekitaran dan individu murid itu. Persekitaran sekolah sering dijadikan alasan untuk murid ponteng lebih-lebih lagi yang tidak mempunyai kemudahan dan prasarana yang mencukupi. Di pihak lain, kadang-kadang terdapat sekolah pula yang terlalu aktif.

Sekolah yang terlalu banyak mengadakan aktiviti menyebabkan murid terpaksa berada di sekolah sehari suntuk bagi mengikuti aktiviti sehingga menyebabkan murid merasa tertekan (Suntik Tuin, 2011). Sebagai contoh, pengenalan aktiviti 1 Murid 1 Sukan (1M1S) pada tahun 2011 dikatakan menambahkan lagi bebanan guru dan murid kerana aktiviti ini tidak sama seperti aktiviti kokurikulum yang sedia ada. Biasanya aktiviti 1M1S diadakan selepas waktu persekolahan sehingga memaksa murid dan guru berada di sekolah sehingga lewat



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

petang. Kesannya, sering kedapatan murid ponteng sekolah dan menjadikan perkara ini sebagai satu cara mengelak daripada menyertai aktiviti tersebut.

Tekanan juga boleh berlaku apabila murid tersebut terpaksa bersaing dengan rakan sebaya untuk menunjukkan mereka berada dalam golongan murid yang terbaik (Nawali Sahali, 2011). Menjadi murid yang terbaik bermakna mereka harus cemerlang dalam akademik agar mereka dipandang sebagai seorang yang bertaraf tinggi serta disanjungi rakan-rakan lain. Jika keputusan peperiksaan mereka rendah, murid berkenaan akan berasa malu dan rendah diri. Hal ini menggalakkan murid tersebut ponteng sekolah seandainya tidak mampu bersaing.

Dalam hal ini, tekanan yang terlalu tinggi terhadap murid merupakan pengalaman yang negatif baginya. Akibatnya, timbul sikap yang tidak diingini dalam diri murid. Sikap ini dirujuk kepada persediaan mental dan saraf seseorang terhadap situasi yang berkaitan dengannya. Menurut Chang (2006), seseorang tidak dilahirkan dengan sikap sedia ada, tetapi berkembang melalui persekitaran dan pengalaman hidup yang diperoleh. Hal ini berhubung kait dengan pengalaman kehidupan yang diiringi peningkatan umur seseorang. Dalam erti kata yang mudah, peningkatan umur sering diiringi pertambahan pengalaman dalam kehidupan.

Pengajaran guru di dalam kelas yang tidak menarik menyebabkan murid tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran. Sekiranya guru tidak berusaha menarik minat mereka, murid-murid itu akan hilang semangat belajar dan ponteng sekolah. Sikap guru yang suka berleter juga boleh mempengaruhi murid untuk ponteng. Ada golongan murid ponteng semata-mata kerana hendak mengelakkan diri dari leteran guru dengan melepak di tempat hiburan untuk menghabiskan masa.

Kurangnya hubungan antara guru dan murid turut menyebabkan hubungan sosial dan kawalan guru menjadi lemah (Suntik Tuin, 2011). Oleh itu, guru memainkan peranan penting menjamin kejadian ponteng dalam kalangan murid tidak berlaku melalui pengajaran yang menarik minat murid. Guru sebagai individu yang penting di dalam kelas sepatutnya mengadakan hubungan yang baik dengan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

semua murid sekurang-kurangnya bagi menjamin kawalan di dalam kelas agar murid tidak berasa terpinggir dan seterusnya melakukan tindakan negatif seperti ponteng sekolah.

Sungguhpun ponteng sekolah ditafsirkan berlainan antara kawasan atau negara, umumnya hal ini dikenal pasti sebagai salah satu isu terpenting yang dihadapi sekolah masa kini (Bye, 2010). Seperti daerah di negeri-negeri lain, masalah ini juga turut dihadapi sekolah di daerah Penampang, Sabah. Ponteng sekolah merupakan satu masalah yang dianggap serius di lokasi ini. Masalah ini telah lama wujud dan menjadi masalah yang besar kepada semua pihak.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Ponteng sekolah merupakan isu yang banyak dilaporkan oleh pihak guru, pentadbir sekolah, dan seterusnya kepada masyarakat umum. Ponteng sekolah adalah satu perlanggaran disiplin dan sebahagian daripada kajian sosial yang sangat meluas. Suasana persekitaran dalam sekolah seperti kepimpinan pengetua, pendekatan warga guru dan persekitaran sekolah yang tidak kondusif, menjadi faktor pendorong kejadian ponteng dalam kalangan murid (Roryna A.B Komon, 2010).

Ponteng juga boleh dipengaruhi oleh perkara tertentu seperti perubahan sekolah, persekitaran yang tidak diminati, insiden dengan guru, serta penggantungan sekolah. Sesetengah murid juga terdedah kepada ponteng disebabkan faktor keluarga dan sosial, atau disebabkan sikap negatif terhadap persekolahan (Skola dan Williamson, 2012).

Faktor sekolah termasuk isu persekitaran seperti saiz sekolah dan sikap guru-guru, pelajar-pelajar lain, dan pentadbir, tidak fleksibel dalam memenuhi pelbagai gaya budaya dan cara belajar murid. Sekolah sering tidak mempunyai prosedur sedia ada yang konsisten untuk menangani gejala ketidakhadiran kronik (Nichols, Harper, Thomas, Louve, dan Vela, 2011).



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan, skop pembelajaran yang luas, sistem kenaikan kelas secara automatik dan struktur sekolah seperti peranan pengetua, nilai guru, kemudahan pelajaran serta aktiviti-aktiviti sekolah mempunyai pengaruh terhadap kegiatan ponteng sekolah (Masniah Mohd. Yassin, 2010).

Di samping itu, faktor guru juga menjadi pendorong para murid untuk ponteng sekolah. Tan (2006) dan Hendron (2014) menegaskan guru sangat berpengaruh terhadap sikap murid. Pengajaran guru di dalam kelas gagal menimbulkan minat untuk belajar dalam kalangan murid yang rendah pencapaian akademiknya (Hendron, 2014). Murid yang cerdas pula didapati ponteng sekolah kerana bosan terhadap pengajaran guru. Murid yang lemah pula, melakukan ponteng kerana putus asa dan tidak dapat menerima pelajaran yang diberikan oleh guru (Tan, 2006; Leronio, 2009). Pembelajaran yang berkesan datangnya dari suasana sekolah yang tenteram, kerana ketenteraman itu amat perlu bagi melahirkan pencapaian yang baik dalam kalangan murid (Rositah Marsa, 2010).

Ramai murid mempunyai perspektif yang negatif terhadap masa hadapan dan pelajaran (How, 2007; Leronio, 2009). Kategori kumpulan ini biasanya lebih cenderung melakukan aktiviti ponteng sekolah. Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan seperti skop pembelajaran yang luas dan sistem kenaikan kelas secara automatik juga mempangaruhi ponteng. Hal ini berlaku kerana murid telah beranggapan jika mereka malaspun, mereka tetap juga dinaikkan kelas sehingga ke tingkatan lima sekolah kerajaan.

Selain dari faktor yang telah dibincangkan, salah satu sebab yang berkaitan dengan ponteng sekolah adalah faktor keluarga. Perkara ini termasuk kekurangan bimbingan atau pengawasan ibu bapa, keganasan dalaman, kemiskinan, penyalahgunaan dadah atau alkohol di rumah, kurangnya kesedaran undang-undang, dan sikap yang berbeza terhadap pendidikan (Nichols *et. all*, 2011).



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Menurut Tan (2006), perkara yang paling penting ialah ibu bapa seharusnya memainkan peranan untuk mendidik anak mereka sejak di bangku tadika bagi mencegah anak-anak mereka daripada ponteng sekolah. Mereka seharusnya memerhatikan gerak-geri anak mereka, dengan siapa anak mereka berkawan, kerap menghubungi pihak sekolah serta memeriksa beg.

Faktor-faktor berisiko yang menyebabkan ponteng termasuk individu pelajar, keluarga, masyarakat, dan sekolah (Dimmick, Correa, Liazis dan McMichael, 2011). Ponteng juga boleh memberi kesan negatif kepada pelajar-pelajar lain. Mereka memerlukan masa tambahan daripada guru-guru berbanding murid lain yang tidak ponteng (Bye, 2010).

